

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 23 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 18

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai formula dan peruntukan khusus bagi menangani masalah obesiti di kalangan kanak-kanak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Obesiti berlaku apabila terdapat ketidakseimbangan tenaga yang diambil melalui makanan dan tenaga yang dikeluarkan melalui aktiviti fizikal. Sekiranya tenaga yang diambil adalah seimbang, masalah obesiti tidak akan berlaku. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil berat akan perkara ini dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah obesiti.

Pada masa kini, bagi mengatasi masalah obesiti di kalangan kanak-kanak, KKM memberi tumpuan untuk menjalankan aktiviti di sekolah memandangkan kebanyakkan masa kanak-kanak dihabiskan di sekolah. Antara aktiviti yang sedang dijalankan adalah;

- a) Memasukkan komponen pemakanan di dalam kurikulum sekolah dan pra-sekolah seperti amalan pemakanan sihat dan selamat;

- b) Melaksanakan Program Hidangan Sihat di Sekolah (HiTS) secara sukarela;
- c) Memantau menu di kantin sekolah melalui Garis Panduan Kantin Sekolah;
- d) Membentuk menu sihat dan seimbang di taska, pra sekolah dan sekolah; dan
- e) Inisiatif Pemerkasaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Bagi Menangani Masalah Obesiti di Sekolah (C-HAT).

Dalam masa yang sama, aktiviti turut dijalankan di peringkat komuniti dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya adalah advokasi melalui bahan-bahan pendidikan seperti video pendek amalan pemakanan sihat contohnya video berkenaan konsep Suku-suku Separuh, sarapan sihat dan menggalakkan kanak-kanak mengambil air kosong, buah-buahan dan sayur-sayuran. Selain itu, mesej berkaitan pemakanan sihat turut disebarluaskan melalui media massa dan media sosial rasmi Bahagian Pemakanan dan Jabatan Kesihatan Negeri seperti laman *facebook*, *instagram* dan *twitter*. Bagi mengawal pengiklanan makanan-makanan yang tidak sihat di televisyen dan radio, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang merangka mekanisma pengawalan iklan bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Sekian, terima kasih.